

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Debit Biz-Xpress (BXC) dengan Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB" atau "Bank"). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Sila dapatkan penjelasan jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.


ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

Kad Biz-Xpress (BXC)

Tarikh: _____

1. Apakah produk ini?

BXC ialah produk Kad Debit yang membolehkan pelanggan perniagaan membuat deposit tunai, pengeluaran tunai, dan pembayaran untuk pembelian perniagaan atau e-dagang dengan mudah dan selamat melalui saluran layan diri Bank. Kami menawarkan 2 jenis pakej perniagaan yang disediakan mengikut keperluan anda, seperti berikut:

Pakej Perniagaan	Ciri-ciri/Fungsi
Deposit Sahaja	Terhad kepada fungsi deposit melalui Mesin Deposit Tunai dan Mesin Ekspres Cek sahaja.
Had Akses Tinggi Penuh	- Menyokong pertanyaan penuh akaun dan fungsi pengeluaran tunai melalui ATM, serta fungsi deposit melalui Mesin Deposit Tunai dan Mesin Ekspres Cek. - Diterima untuk pembayaran MyDebit di Malaysia sahaja di premis yang menerima MyDebit - Diterima untuk pembayaran Mastercard Debit di premis yang menerima Mastercard Debit - Diterima untuk e-dagang - Had pengeluaran tunai setiap Kad: Tunai Maksimum Harian: RM8,000 bagi setiap Kad Tunai Maksimum Bulanan: RM30,000 bagi setiap Kad

Anda boleh memaut sehingga maksimum enam (6) akaun deposit perniagaan ke BXC tunggal. Apabila berurusan melalui Terminal Layan Diri, anda boleh memilih akaun yang anda ingin membuat pengeluaran wang, atau mendeposit wang atau memasukkan cek.

2. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran Pengeluaran/Yuran Tahunan Kad	RM8.00 setiap Kad
Yuran Penggantian Kad	RM8.00 setiap Kad
Pengeluaran tunai MEPS di: i. Bank-bank tempatan lain ii. Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia	RM1.00 setiap transaksi
Yuran Cetakan Semula Draf Jualan	RM20.00 setiap salinan
Pengeluaran tunai CIRRUS	RM8.00 setiap transaksi
Pertanyaan baki CIRRUS	RM1.00 setiap transaksi
Yuran Penukaran Transaksi Luar Negara	Transaksi yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar dan caj penukaran seperti yang ditentukan oleh MasterCard atau Visa dan termasuk 1% penukaran wang asing yang dikenakan oleh Alliance Bank.

Untuk maklumat lanjut tentang Yuran dan Caj, sila rujuk <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>

3. Apakah tema dan syarat utama?
Fungsi Tanpa Sentuh

- Kaedah pembayaran yang cepat, mudah, dan selamat dengan menyentuh Kad anda pada Terminal Tanpa Sentuhan.
- Had Transaksi Tanpa Sentuhan ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00). Tiada PIN diperlukan untuk sebarang transaksi berjumlah di bawah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00). Untuk transaksi melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00), anda dikehendaki memasukkan PIN untuk pengesahan dan kebenaran.
- Anda boleh memilih had kumulatif harian dan had transaksi, tertakluk kepada had maksima yang dibenarkan oleh Bank.
- Anda boleh melumpuhkan fungsi Tanpa Sentuhan dan memilih had Tanpa Sentuhan anda melalui mana-mana cawangan Alliance Bank, ATMs atau hubungi khidmat pelanggan kami di talian 03-5624 3888.

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda tidak akan bertanggungjawab untuk transaksi tidak dibenarkan Kad dikemukakan yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan BXC tanpa sentuh, DENGAN SYARAT ANDA TIDAK:

- melakukan penipuan;
- lewat dalam memaklumkan pihak kami dengan secepat mungkin selepas menyedari akan kehilangan atau penggunaan tanpa
- secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
- merekodkan PIN di atas BXC atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan BXC;
- meninggalkan BXC atau barangan yang mengandungi BXC tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses
- secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan BXC anda.
- Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda jika anda gagal memenuhi tanggungjawab anda.

Anda hendaklah memaklumkan pihak kami dengan serta merta apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut adalah transaksi tidak dibenarkan.

5. Apakah risiko utama?

- Anda tidak harus sesekali mendedahkan butiran BXC atau nombor PIN kepada pihak lain dan seharusnya menyimpan butiran tersebut dengan anda pada setiap masa dan mengambil langkah berhemat atau berjaga-jaga bagi mengelakkan kehilangan dan/atau penyalahgunaan BXC dan nombor PIN anda.
- Sekiranya Kad Debit anda hilang atau dicuri, anda harus memaklumkan pihak kami dengan kadar segera di talian 03-5624 3888 untuk menyekat Kad Debit anda yang telah hilang atau dicuri.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat diterima tepat pada masanya. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda.

7. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi kami di talian +603 5516 9988 (Malaysia), tersedia setiap hari dari jam 8:00a.m. - 10:00 p.m.
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh mengemukakannya kepada BNMLINK atau Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) seperti berikut:

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Talian.: 1-300-88-5465 (Malaysia) atau +603 2174 1717 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m.
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Talian: +603 2272 2811
Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m.
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: <https://www.fmos.org.my>

8. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan kami atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan

Talian.: 1300-80-3388 (Malaysia) / +603 5624 3888 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00am to 6:00pm
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Emel: bbcc@alliancefg.com

Cawangan Bank

Waktu Operasi:
9:15am to 4:15pm (Semenanjung Malaysia)
9:00am to 4:00pm (Sabah/Sarawak)
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)

NOTA PENTING:

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____.